

# PM akan bincang dengan Mufti Wilayah isu konsert Coldplay

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berbincang dengan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah mengenai penganjuran konsert kumpulan Coldplay di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam ini.

Perdana Menteri berkata, ini kerana ada pelobi daripada ge-

rakan penyokong pejuang Palestin yang menyokong penganjuran konsert itu dan pada masa yang sama ada pihak yang mahu konsert itu dibatalkan.

“Coldplay ini antara kumpulan yang sokong Palestin, jadi ada masalah sikit saya nak beritahu, dalam kerajaan yang lepas sudah luluskan (konsert)

juga. Saya akan bincang dengan mufti (berhubung) keadaan ini.

“Kerana ada pelobi dari gerakan Palestin yang menyokong dan memberikan pandangan kepada Menteri Luar (Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir) dan kepada pejabat saya mengapa halang kumpulan yang menyokong perjuangan Palestin da-

ripada meneruskan pertunjukan,” katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) berhubung pendirian kerajaan

dalam penganjuran konsert itu, memandangkan Luqman meminta supaya konsert itu tidak diteruskan kerana disifatkan sebagai melalaikan.

Luqman dilapor berkata, acara itu bukan sahaja melalaikan bahkan tidak memberi sebarang manfaat kepada rakyat negara ini.